

KEPENGARANGAN CERPEN REMAJA PASCA 13 MEI 1969 ANTARA NAZEL HASHIM DAN ISMAIL SARBINI: SUATU PERBINCANGAN DARI SUDUT PENDIDIKAN NILAI MURNI KEBERANIAN MELALUI TEMA SEJARAH.

Zul Fadli Mohd Kamal

Pusat Penyelidikan Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu (BAYU)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM

Muammar Ghaddafi Hanfiah

Pusat Penyelidikan Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu (BAYU)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM

Shaiful Bahri Md Radzi

Pusat Penyelidikan Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu (BAYU)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM

Corresponding Author's Email: *aliibnukamal91@gmail.com*

Article history:

Received : 20 Oktober 2022

Accepted : 10 November 2022

Published : 31 December 2022

ABSTRAK

Meneliti fenomena cerpen remaja di dalam Negara, perkembangannya rancak bermula pada tahun 1970an lagi. Sewaktu negara dilanda krisis politik yang menyebabkan berlakunya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969, kerajaan telah memperkenalkan dasar Rukun Negara untuk menyatukan kembali kaum-kaum di Malaysia. Melalui dasar tersebut, seluruh rakyat digesa untuk memperkasakan dan menyahut tuntutan yang termaktub di dalam Rukun Negara. Dari sini dapat dikenal pasti terdapat pelbagai tema cerpen yang telah dikarang oleh penulis-penulis Malaysia bagi menyahut seruan kerajaan termasuk Nazel Hashim dan Ismail Sarbini. Dalam konteks tema sejarah, mereka berdua terkehadapan daripada pengarang lain dalam mempromosikan cerpen remaja bertemakan sejarah di era pasca 13 Mei 1969. Hasil daripada penelitian melalui beberapa buah cerpen milik mereka, tema sejarah yang digunakan oleh mereka banyak mengambarkan nilai murni tentang keberanian orang Melayu. Oleh itu kajian bandingan antara dua penulis ini akan diaplikasikan dalam usaha meneliti kepengarangan kedua penulis mempersempahkan kisah-kisah bertemakan sejarah di dalam cerpen remaja dalam usaha menyampaikan nilai murni keberanian. Dapatkan kajian menunjukkan penulis mempunyai tema sejarah tersendiri dalam usaha menyampaikan nilai-nilai murni keberanian bagi tujuan pendidikan sahsiah remaja.

Kata Kunci: Cerpen remaja, Rukun Negara, 13 Mei 1969, kajian bandingan, kepengarangan, tema sejarah.

The Writing Of Teenage Short Stories After May 13, 1969 Between Nazel Hashim And Ismail Sarbini: A Discussion From The Point Of Education Of The Pure Values Of Courage Through Historical Themes.

ABSTRACT

Examining the phenomenon of adolescent (i.e teenager) literature in the country, its development began in the 1970s. During the political crisis that led to the race riots on 13 May 1969, the government introduced the Rukun Negara Principal to reunite all race in Malaysia. Through these principals, people are urged to empower and respond to the demands enshrined in Rukun Negara. From this point, it can be identified that there are various themes of short stories that have been written by Malaysian writers to respond to the government's call including Nazel Hashim and Ismail Sarbini. In the context of historical themes, they both are ahead of other authors in promoting history-themed adolescent short stories in the post-13 May, 1969 era. As a result of the research through several their short stories, the historical themes used by them illustrate a lot of positive attributes about the courage of the Malays. Therefore, this comparative study between the two authors will be applied in order to examine the authorship of the two authors presenting historical-themed stories in adolescent short stories in an effort to convey the courageous value. Research showed that the writers have their own historical theme to cultivate noble values of courage for moral educational purpose of adolescent.

Keywords: Adolescent literature, Rukun Negara, 13 May 1969, comparative study, writing techniques, historical.

PENGENALAN

Malaysia berdiri megah sebagai sebuah negara merdeka yang mencapai banyak kemajuan. Selama 65 tahun merdeka, rakyat yang terdiri daripada berbilang bangsa, agama dan budaya telah sama-sama berdiri teguh untuk hidup secara aman dan sejahtera. Keunikan ini telah menjadikan Malaysia sebagai salah satu negara yang didiami pelbagai bangsa hidup aman dan harmoni di bawah satu bumbung. Kemakmuran negara ini ditambah lagi dengan perpaduan yang berjaya diwujudkan antara kaum Melayu, Cina, India dan pelbagai suku kaum di Sabah dan Sarawak. Perpaduan merupakan satu elemen yang sangat penting untuk menyatukan keseluruhan rakyat dalam negara. Penyatuan tersebut berjaya dibentuk pada awalnya sehingga salah satu percikan api yang melibatkan sentimen kaum telah berlaku dalam negara. Perbalahan besar antara kaum Melayu dan Cina telah menyebabkan terjadinya peristiwa berdarah atau lebih dikenali sebagai 13 Mei 1969 kerana ketidakpuasan hati sewaktu pilihan raya umum pada tahun itu. Ekoran daripada peristiwa tersebut penderitaan yang diterima oleh mereka yang tidak bersalah dan angka korban terlalu tinggi telah menyebabkan status keamanan negara tergugat. Keharmonian yang dicipta pada awalnya itu semuanya musnah sekilip mata sahaja akibat perselisihan faham di antara dua kaum tersebut. Keamanan negara pada ketika itu telah dicabar dan menyebabkan rakyat hidup dalam ketakutan serta membenci di antara satu sama lain. Bagi memastikan rakyat hidup dalam keadaan normal kembali, kerajaan mula mengorak langkah dan selepas dua bulan daripada kejadian itu kerajaan berjaya mencipta satu idealogi kebangsaan yang lebih dikenali sebagai Rukun Negara. Idealogi tersebut telah menjadi satu pegangan politik baharu untuk memperbaiki dan

menangani perasaan tidak puas hati antara etnik yang wujud dalam kalangan masyarakat (Mohamed Mustafa Ishak 2014).

Umum mengakui bahawa pembinaan negara bangsa Malaysia pada peringkat awal adalah lebih tertumpu kepada keperluan politik yang dilaksanakan menerusi Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi menangani Peristiwa 13 Mei 1969. Pelaksanaan pembinaan negara bangsa ini berterusan pada tahun-tahun berikutnya bagi mengekalkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa. Pelancaran Wawasan 2020 oleh Tun Dr. Mahathir Mohamed pada tahun 1991 memperlihatkan matlamat yang lebih jelas ke arah keperluan pembinaan negara bangsa. Wawasan ini menitikberatkan ke atas keperluan wujudnya suatu bangsa Malaysia yang mantap. Pembinaan negara bangsa Malaysia berdasarkan acuan sendiri dilaksanakan melalui pelbagai saluran dan salah satu daripada saluran terpenting ialah pendidikan. Bidang pendidikan begitu signifikan memandangkan bidang ini berperanan sebagai wahana utama membentuk perpaduan masyarakat khususnya pada peringkat kanak-kanak dan remaja pada ketika usia mereka masih muda dan bersih daripada sebarang bentuk ideologi. Sehubungan itu, dalam konteks sastera, kerajaan berpandangan bahawa sastera remaja perlukan diwujudkan bagi menindoktrinasi ideologi perpaduan menerusi pendidikan berteraskan Rukun Negara khususnya ke atas para remaja. Sastera remaja (cerpen) diperlukan sebagai wadah berkesan bagi memasyarakatkan golongan remaja terutamanya dalam kalangan pelajar sekolah menengah, pemangkin pembentukan warganegara masa hadapan dalam menangani kejayaan perpaduan nasional.

CERPEN REMAJA

Dalam konteks remaja, lambakan cerpen yang terhasilkan menceritakan soal hidup remaja muncul sehingga menjadikan Nazel Hashim dan Ismail Sarbini di antara pelopar sastera remaja yang terawal. Ekoran itu, kerajaan telah mewartakan satu dasar yang membentuk ke arah perpaduan nasional dengan mengaitkan hasil tulisan mereka dengan dunia remaja (Othman Puteh dan Ramli Isin 2003). Kehadiran ramai pengarang muda dan karya remaja turut mengimarahkan perdebatan tentang sastera remaja dalam kalangan pengiat sastera, pengarang, pendidik, pengkritik termasuk ahli politik, ahli akademik dalam seminar dan kolokium anjuran universiti tempatan dan tidak ketinggalan DBP. Melalui usaha ini, pelbagai isu tentang remaja dan sastera remaja diketengahkan oleh para penel baik cadangan, pandangan, gagasan, dan sumbang saran mereka diperhalusi untuk memberikan dimensi baru kepada genre sastera tanah air lebih-lebih lagi terhadap sastera remaja. Kaitan daripada maka pada tahun 1984 istilah cerpen remaja telah diisytiharkan secara rasminya oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Antara pelbagai isu tentang remaja dan sastera remaja diketengahkan dalam perbincangan ini adalah tentang lingkuang usia yang dikelompokkan sebagai remaja. Pada Othman Puteh (1988), sastera remaja merupakan bahan bacaan sastera kreatif yang tercetus daripada pengamatan, pengalaman dan kreativiti pengarang yang relevan dengan pertumbuhan dan perkembangan psikologi remaja yang berusia 12 sehingga 20 tahun. Sastera remaja itu juga haruslah mengandungi nilai moral/pendidikan, bermutu, serta ada nilai keindahannya tersendiri dan bukannya bacaan popular yang menampilkan perlakukan yang bertentangan dengan nilai tersebut. Hashim Awang (1988) menegaskan bahawa sastera remaja dihasilkan berdasarkan kelompok atau anggota masyarakat yang memiliki pertumbuhan jasmani dan kejiwaannya sendiri. Dari sudut ini, setiap cerita yang dibina dalam genre remaja rata-rata menceritakan perihal dan perilaku seseorang remaja yang tergolong dalam pelbagai bangsa dan etnik.

DUA PENULIS CERPEN REMAJA

Pak Nazel, Nazel Hashim atau nama sebenarnya Hashim Mohamad dilahirkan pada 23 April 1942 di Kampung Masjid, Port Swettenham (kini Pelabuhan Klang), Klang. Sementara Ismail Sarbini juga dilahirkan di daerah Klang pada 5 Mei 1959 di Kampung Bukit Kapar iaitu kira-kira 24 km (15 batu) di utara Pelabuhan Klang. Dari segi tarikh kelahiran itu jelas memperlihatkan bahawa Nazel ‘anak musim Jepun’ berbanding Ismail ‘anak pascamerdeka’ dengan jarak perbezaan umur 17 tahun. Mereka anak jati Klang, Bandar Diraja Selangor dan pernah menjadi ibu negeri pada suatu masa dahulu. Latar belakang keluarga dan kehidupan mereka adalah selari, keduanya datang daripada keluarga berpendapatan sederhana. Bapa Nazel kelasi kapal tunda Keretapi Tanah Melayu (Marine) sementara

Ismail anak penoreh getah. Masing-masing mendapat pendidikan awal di tempat kelahiran mereka dengan Nazel Hashim bersekolah di Sekolah Melayu Port Swettenham (1949-1952) manakala Ismail Sarbini di Sekolah Kebangsaan Sungai Binjai, Pekan Meru (1966-1971). Sungguhpun begitu, Nazel lebih cemerlang dalam pelajaran berbanding Ismail pada peringkat rendah ini kerana dia pernah dinaikkan ke darjah lima setelah tamat darjah tiga. Tamat persekolahan rendah mereka berdua terus masuk ke sekolah menengah. Nazel Hashim berjaya memasuki sekolah aliran Inggeris di Klang High School setelah lulus *Special Malay Class (SMC)*, peperiksaan kemasukan sehingga beliau berjaya memperolehi *School Certificate (SC)* pada tahun 1959. Ismail Sarbini pula meneruskan pelajaran menengahnya di Sekolah Menengah Tengku Idris Syah, Kapar (1972-1974). Selepas menyelesaikan Sijil Pelajaran Rendah (SRP) pada tahun 1974, Ismail berpindah sekolah di bandar Klang apabila memasuki Sekolah Menengah Tengku Ampuan Rahimah (STAR) (1975-1976) setelah memilih untuk mengikuti aliran sains.

Alam persekolahan kedua penulis Klang ini terhenti setakat Tingkatan 5. Pencapaian pendidikan mereka berdua agak sederhana. Tamat Tingkatan 5, Nazel pernah bekerja di Kilang Kasut Bata di Jalan Kapar, Klang sementara Ismail menganggur sebelum mereka berdua mendapat tempat bagi mengikuti latihan perguruan di Maktab Perguruan di Perak. Nazel Hashim memasuki Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Tanjung Malim, Perak pada 1960 manakala diikuti Ismail Sarbini 19 tahun kemudiannya pada tahun 1979 di Maktab Perguruan Kinta, Ipoh, Perak. Tamat latihan, masing-masing memulakan kerjaya guru dengan Nazel mula berkhidmat pada tahun 1963 sementara Ismail pada tahun 1981. Hidup bergelumang dengan alam pendidikan tidak mematahkan semangat bagi kedua penulis Klang ini untuk memajukan diri masing-masing dalam pendidikan. Daya juang mereka begitu tinggi. Berbanding Ismail Sarbini, Nazel Hashim lebih gigih dalam mencari tempat ke universiti dengan mengambil daya inisiatif sendiri menduduki peperiksaan *Higher School Certificate (HSC)* secara persendirian hingga lulus penuh pada tahun 1968 pada usia 26 tahun. Kejayaan ini menempatkan dirinya di Universiti Malaya pada 13 Mei 1969 dan lulus dengan Ijazah Sarjana Muda (Am) Pengajian Melayu Pengkhususan Linguistik Tulen pada tahun 1971. Pada tahun 1982, 10 selepas memperolehi ijazah dari UM, Nazel ditawarkan peluang melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana di University of Maryland, College Park, Maryland, Amerika Syarikat (Jun 1981-Jun 1982) dan berjaya membawa pulang ijazah Master of Library Science. Sementara itu, Ismail Sarbini juga berjaya mengikuti jejak langkah Nazel Hashim ke universiti 20 tahun kemudiannya. Peluang untuk memasuki universiti ketika zaman Ismail melanjutkan pelajarannya di Universiti Pertanian Malaysia (UPM, kini Universiti Putra Malaysia) adalah lebih cerah berbanding di zaman Nazel Hashim melukannya. Pada ketika itu, peluang terbuka buat guru-guru memasuki universiti terutama di Universiti Pertanian Malaysia (UPM) yang diberikan atas merit pengalaman kerjaya dan kepakaran dalam pelbagai bidang pendidikan. Ismail Sarbini berjaya menempatkan diri dalam bidang Pengajaran Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pertama di UPM (1989-1991) berbanding atas merit bakat dan kecemerlangannya dalam bidang sastera Melayu dan penulisan kreatif yang turut ditawarkan.

PENDIDIKAN NILAI MURNI DALAM CERPEN TEMA SEJARAH

Pendidikan nilai murni di dalam cerpen remaja bertemakan sejarah mampu menjadi batu asas untuk membina sesebuah negara yang maju. Pembangunan sesebuah negara akan dapat dicapai dengan sempurna jika aspek pendidikan nilai murni di dalam penulisan remaja diberi keutamaan. Nilai murni di dalam tema sejarah adalah sesuatu pendidikan melalui bahan bacaan yang mengambarkan ciri-ciri manusia berjaya dan berani untuk diteladani. Faktor ini penting untuk memastikan mereka tidak jauh ketinggalan dengan golongan lain dalam mengingati lipatan sejarah negara. Dalam pembinaan sastera remaja terutamanya cerpen Melayu pasca 13 Mei 1969, pendidikan nilai murni banyak ditekankan pengarang. Pendidikan melalui nilai murni dibuat supaya sahsiah remaja dapat dibentuk secara baik apabila dewasa kelak. Pencapaian pendidikan di dalam sastera sebenarnya sudah lama dijalankan dalam bidang pendidikan. Bermula daripada penulisan sastera kanak-kanak lagi, golongan muda telah dibentuk nilai moral dan jati dirinya berdasarkan pelbagai jenis cerita. Cuma dari sudut pembinaan sastera remaja ini, pendidikan khusus seperti meneliti konsep sejarah yang melibatkan nilai murni perlu lebih ditekankan. Selain itu, dalam dunia sastera remaja cabaran mendidik mereka supaya minat

membaca sememangnya sukar untuk dibentuk. Oleh itu, sastera remaja mempunyai pelbagai jenis cabang yang meliputi pelbagai tema-tema yang menarik (cerita tema sejarah) telah diterapkan supaya dapat memancing minat remaja membaca sesuatu karya.

Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka merupakan satu institusi penting dalam pembangunan penulisan dalam negara. Penubuhan ini juga membantu dalam pengagihan ilmu-ilmu pengetahuan melalui penulisan kepada seluruh rakyat dalam negara. Menurut A.Aziz Deraman (2001), sesebuah masyarakat madani tidak akan berjaya ditegakkan selagi nilai akhlak dan moral yang berlandaskan agama masih diselaputi ketidakadilan sosial, keganasan, sikap melampau, kejahilan, kebekuan intelektual, dan kezaliman. Berdasarkan perkara-perkara tersebut dapat disimpulkan bahwasanya untuk mencapai segala keseimbangan perkara yang dinyatakan pendidikan nilai murni harus diberikan secara betul supaya kesemua lapisan masyarakat mendapat landasan ilmu yang baik. Ilmu yang baik merujuk kepada pengetahuan tentang pendidikan kemanusiaan. Secara amnya, cerpen bertemakan sejarah adalah salah satu asas yang dapat membantu untuk menyampaikan sesbuah pemikiran. Melalui tema ini, segala bentuk pendidikan nilai murni melalui penulisan dan lisan dapat disalurkan dengan cepat kerana bidang pendidikan negara datangnya daripada bahan bacaan.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Menerusi tema sejarah, perbincangan tentang kepengarangan dari sudut ini membicarakan kisah tentang perjuangan masyarakat setempat di tanah Melayu. Cerpen yang dikarang oleh penulis banyak mengetengahkan nilai murni seperti keberanian. Nazel Hashim gemar menulis cerpen berdasarkan cerita di zaman pendudukan Jepun, manakala Ismail Sarbini berdasarkan zaman pendudukan British. Perbezaan akan memperlihatkan bagaimana dua penulis ini menyampaikan idealogi masing-masing untuk menaikkan semangat patriotik kepada pembaca (remaja). Berikut merupakan contoh ulasan dari cerpen mereka berdua.

NILAI MURNI KEBERANIAN (NAZEL HASHIM)

Keberanian adalah salah satu nilai murni yang perlu ada dalam diri remaja. Tanpa nilai ini, remaja tidak akan menjadi seorang dewasa yang matang dan berkeyakinan. Nilai murni ini perlu dipelajari oleh remaja melalui kisah-kisah sejarah kerana di dalamnya terdapat banyak unsur nasihat dan kesedaran tentang semangat patriotik. Di dalam karya Nazel Hashim, cerpennya bertajuk ‘Secebis Perjuangan’. Beliau memaparkan sebuah kisah pada zaman pendudukan Jepun. Watak utama dalam cerpen ini adalah Tok Syeikh. Beliau merupakan pegawai Melayu tertinggi di Perlis dan mempunyai pengaruh yang kuat dengan masyarakat setempat. Tok Syeikh adalah seorang yang bersifat pemimpin yang berani dan tidak tahu takut. Sifatnya ini dapat dilihat menerusi kisahnya apabila pihak Inggeris ingin mengebom pejabat tanah di kawasan tempat tinggal mereka bagi mengelak tentera Jepun mengetahui rahsia negeri. Rancangan yang dibuat oleh Inggeris tersebut telah ditentang keras oleh Tok Syeikh dan beberapa pegawai Melayu yang lain. Mereka menganggap tindakan Inggeris yang ingin mengebom pejabat tanah adalah satu perbuatan khianat dan boleh memusnahkan warisan negeri.

Warisan tersebut harus dijaga supaya anak muda dimasa akan datang mendapat manfaatnya. Fikiran Tok Syeikh yang lebih jauh ke hadapan tersebut adalah lambang kepada semangat keberaniannya mempertahankan hak orang Melayu. Beliau sangat mementingkan masa depan generasi dan menganggap diri perlu membuat sedikit pengorbanan suapaya negara tidak kehilangan khazanah penting walaupun beliau berkhidmat dengan Inggeris. Selain melihat watak Tok Syeikh mempertahankan pejabat tanah, Nazel Hashim turut menggunakan watak tersebut memimpin sebuah pasukan yang terdiri dari anak muda yang turut sama-sama berjuang menentang pihak Inggeris yang ingin menghancurkan sebuah jambatan. Gambaran anak muda belasan tahun yang sanggup berkorban mempertahankan jambatan di daerah mereka adalah satu lambang keberanian yang patot dicontohi. Jika seawal usia lagi mereka sudah mampu berfikir tentang kepentingan sesuatu benda, tidak mustahil mereka juga turut mampu membentuk negara yang lebih baik. Berikut merupakan contoh petikan cerpen yang mengambarkan peristiwa tersebut;

...Malam itu sungguh gelap. Balai polis yang biasanya terang, juga gelap... Namun, di dalam kegelapan itu ada aktiviti di luar. Di luar sana, di jambatan masuk ke Jalan Raja Syed Alwi, satu-satunya jambatan menghubungkan Kangar dengan Kuala Perlis, beberapa orang askar Inggeris berhati-hati berkawal... Malam itu malam bersejarah bagi pekan Kangar. Beberapa hari sebelum itu tentera Jepun sudah mendarat di Songkhla dan Kota Baharu, di Kelantan. Pihak Inggeris berasa cemas dan sudah mula melaksanakan strategi bertahan. Mereka khuatir kapal terbang Jepun akan menyerang Kangar. Maka itulah keluar perintah melarang penduduk memasang lampu... “Tapi pihak Inggeris tidak boleh bertindak bodoh, Tok Syeikh,” terang Idris... Tok Syeikh selaku pegawai Melayu tertinggi di Perlis... Idris, seorang anak pegawai kerajaan juga yang ulang bercuti hujung minggu. Dia belajar di sekolah Inggeris di Pulau Pinang... “Mereka juga hendak mengebom bangunan pejabat tanah bila-bila masa,” sambung Tok Syeikh. ... “mengapa pula bangunan pejabat tanah sekukuh itu hendak dimusnahkan, tok?” “Sebab di situ ada rahsia negeri ini. Ada peta-peta yang dapat membantu Jepun kalau mereka berjaya menawan Perlis,... Hasrat hendak memusnahkan bangunan pejabat tanah itu juga ditentang keras oleh Tok Syeikh dan beberapa orang pegawai Melayu... Mereka berbicara itu di rumah Tok Syeikh. Bukan mereka berdua sahaja di situ. Ramai anak muda belasan tahun sudah berkumpul untuk bertindak menghalang Inggeris memusnahkan jambatan dan bangunan pejabat tanah itu....Jika kita menghalang Inggeris, mereka akan menganggap kita pembelot... “Kita tidak perlu menumpahkan darah,...”... “Saya mahu kamu semua fikirkan cara paling baik. Jangan sampai tertangkap. Jangan sampai membunuh dan dibunuhi. Jambatan itu penting untuk perhubungan di antara kampung-kampung dan bandar. Pejabat tanah itu amat penting kerana di situ lah nadi pentadbiran negeri ini. Segala geran dan surat ada di situ... semuanya mesti dimusnahkan mengikut Inggeris... “Tapi, itu bukan caranya untuk menyelamatkan warisan kita. Cara Inggeris itu akan merosakkan masa depan kita,...”... “Tok Syeikh juga berjiwa Melayu tulen, sekalipun berkhidmat dengan Inggeris...

‘Secebis Perjuangan’ (1996)

Rentetan dari cerpen tersebut, peristiwa Tok Sheikh menjadi pemimpin dikalangan anak muda dan masyarakat di tempatnya sewaktu mempertahankan pejabat tanah dan jambatan adalah contoh teknik pemerian tentang patriotik yang dinyatakan oleh penulis. Kebijaksanaan Tok Syeikh menghadapai situasi tersebut telah diceritakan satu persatu sehingga menunjukkan beliau adalah seorang pemimpin yang mempunyai semangat patriotik yang tinggi. Oleh itu, secara ringkasnya pengajaran dalam cerpen ini banyak memaparkan contoh pengorbanan yang perlu dihargai oleh generasi pada hari ini. Walaupun sekarang tidak ada lagi suasana perperangan dalam negara, semangat patriotik seharusnya dilakukan melalui pelbagai cara dan salah satunya adalah menghargai jasa mereka semua supaya semangat cintakan tanah air dapat dipahat dalam hati.

Seterusnya cerpen kedua Nazel Hashim yang bertajuk ‘Nyawa Di Hujung Banet’ mengisahkan tentang kekejaman dan kekerasan yang sering terjadi sewaktu zaman penjajahan Jepun dalam negara. Paparan yang dinyatakan dalam cerpen ini memperlihatkan bagaimana sebuah keluarga telah diserang oleh tentera Jepun. Penderitaan yang dihadapi oleh keluarga Kasim merupakan satu cabaran yang amat besar. Bermula dari terjahan askar Jepun ke dalam rumahnya telah memaksa mereka semua bergelut dengan maut. Askar Jepun cuba untuk membunuh mereka semua sekeluarga kerana tindakan Kasim yang mengutuk tentera Jepun. Walaupun dalam keadaan dijajah keberanian dan kepimpinan dalam keluarga yang dibekalkan dalam diri Kasim telah memberanikan beliau untuk melawan dan cuba berunding dengan tentera Jepun. Kasim adalah seorang bapa yang tinggal bersama isteri dan cucunya disebuah kampung. Kasim hanya seorang lelaki yang sudah tua tetapi disebabkan kesilapan beliau mengutuk tentera jepun, dia dan keluarganya diacam bahaya. Sekumpulan tentera muda jepun telah datang ke rumah dan menyerang mereka sekeluarga. Sewaktu Jepun mengacukan senapang dan benet betuk-betul tepat di hadapan cucunya, Kasim cuba menjadi seorang ketua keluarga yang sedaya upaya mempertahankan ahli keluarganya. Sewaktu bergelut dengan bahaya, Kasim cuba meminta belas kasihan dengan menunjukkan gambar anaknya iaitu Mamat kepada tentera Jepun. Tiba-tiba tentera Jepun

tersebut menjadi tenang kerana mereka teringat pada jasa Mamat yang sebelum ini yang pernah membantu mereka. Disebabkan perkara tersebut, tentera Jepun membatalkan niat dan pergi meninggalkan mereka semua dalam keadaan selamat. Bagi menunjukkan contoh ketegangan/suspen dalam cerpen ini, petikan di bawah ini memaparkannya.

... “Cis, tara arti. Bunuh... mati...” Begitu marah askar Jepun yang di depan. “Jangan ganggu kami, jangan!” mohon Munah dan cuba mengambil cucunya. Akan tetapi, tidak berjaya kerana tiba-tiba cucunya tidak menangis lagi dan mata banet betul-betul beberapa inci sahaja di dada cucunya... “Biada! Tak tahukah kamu kami ini dalam kesukaran? Tangan kena duri sembilang, cucuku pula digigit semut.” “Bage ro... diam... apa tarak arti.. semua... hukum.”...

‘Nyawa Di Hujung Banet’ (1980)

Berdasarkan petikan tersebut, Nazel Hashim menunjukkan bagaimana watak Kasim dan keluarganya diancam untuk dibunuh oleh sekumpulan askar Jepun. Kemarahan askar Jepun tersebut memaksa mereka mengacukan banet yang tajam di hadapan mereka sekeluarga. Ketegangan dan suspen tersebut mampu menjadikan pembaca panik dengan situasi tersebut. Pengalaman-pengalaman itu adalah satu peringatan kepada keadaan genting, cemas, dan takut oleh setiap individu. Pada zaman tersebut juga pihak Jepun bukan sahaja banyak membuat kacau dengan masyarakat Melayu, mereka juga turut menanamkan sifat rasis dan benci kepada bangsa Cina yang sebelum ini mempunyai dendam dalam sejarah politik. Oleh itu, dari sudut logiknya situasi ini, penulis cuba menyampaikan pesanan kepada generasi pada hari ini, perlunya menanamkan sifat patriotik dalam diri untuk mengelak daripada berlakunya dendam antara kaum. Menurut Awang Had Salleh (1980), jika semangat patriotik dapat disemai, mereka semua akan lebih sayang pada identiti negara dan bersama-sama menjaga di antara sama lain.

NILAI MURNI KEBERANIAN (ISMAIL SARBINI)

Berikut merupakan contoh cerpen Ismail Sarbini yang menunjukkan nilai murni keberanian. Pertama dalam cerpenya bertajuk ‘Darah Mengalir Di Bumi Naning’. Kisah ini adalah tentang perjuangan di daerah Naning dan ada tercatat dalam lipatan sejarah. Tokoh yang terlibat pula dikenali sebagai Dol Said. Dol Said merupakan seorang penghulu dan perjuangannya berlaku pada tahun 1831 sehingga 1832. Perjuangan singkat tersebut telah membuktikan mereka mampu melawan pihak penjajah walaupun pada tahun tersebut pihak British telah mengambil alih kuasa ditanah Melayu. Kisahnya telah digambarkan oleh Ismail Sarbini di mana penduduk mula sedar akan kerakusan pihak Inggeris yang menginginkan bumi Naning. Disebabkan sifat tamak tersebut penduduk setempat mula berganding bahu dan ingin berperang dengan pihak Inggeris. Semangat berani dari masyarakat setempat telah disahut oleh setiap lapisan masyarakat termasuk dengan anak-anak muda. Watak Pak Saleh dan Dali adalah diantara watak penting yang mengerakkan cerita tersebut. Pak Saleh merupakan penduduk asal Naning begitu juga dengan Dali. Pak Saleh memulakan ceritanya kepada Dali mengenai bumi Naning sebenarnya masih dibawah jajahan negeri Melaka. Disebabkan Naning bawah Melaka, Inggeris cuba merampas dari pengaruh Dol Said. Dol Said pula adalah seorang penghulu dikawasan tersebut yang tidak bersetuju dengan tindakan Inggeris. Disebabkan Inggeris mahukan bumi Naning, Penghulu Dol Said dipanggil oleh Inggeris tetapi beliau tidak mengindahkan panggilan tersebut kerana risau beliau dipujuk dan diugut oleh pihak Inggeris. Oleh kerana itu, Inggeris mula marah padanya. Disebabkan risau kemaraan tentera Inggris, Dol Said dari awal-awal lagi sudah memberitahu kepada seluruh penduduk kampungnya akan kehadiran pihak Inggeris. Pada waktu itulah nilai murni yang mengambarkan mempertahankan kedaulatan dan sanggup berkurban dipaparkan oleh penulis. Berikut merupakan contoh petikan yang mengambarkan masyarakat Naning dengan nilai murni yang dinyatakan tadi;

... “Kali ini memang tak ada jalan lain. kita terpaksa berperang dengan Inggeris!” kata Pak Saleh sambil mengesat peluh yang membasihi mukanya. “Dah lama Inggeris mengidamkan bumi Naning. Macam-macam sebab dicari supaya mereka boleh campur tangan tapi

penghulu kita bijak dan berani,” sela Abang Dali... “Inggeris kata Naning termasuk dalam negeri Melaka, jadi termasuklah dalam jajahan Inggeris. Penghulu Dol Said membantah. Sebab itu bila Inggeris panggil ke Melaka Dol Said diam sahaja. Dia takut dipujuk atau diugut kalau ke Melaka. Inilah yang membuatkan Inggeris marah.” Pak Saleh mula bercerita... “Saya gembira dan bangga melihat semua orang Naning bersatu tenaga,” ucap Penghulu Dol Said. “Demi mempertahankan Naning kami sanggup berkorban, datuk,” kata Abang Dali. “Begitulah, masa terus beredar tanpa menunggu sesiapa. Kami penduduk Naning tanpa mengira tua atau muda bersatu tenaga membina kubu atau berkawal sepanjang masa. Kami tahu Inggeris akan datang menyerang Naning...”

‘Darah Mengalir Di Bumi Naning’ (1987)

Petikan yang berbunyi “Saya gembira dan bangga melihat semua orang Naning bersatu tenaga,” ucap Penghulu Dol Said. “Demi mempertahankan Naning kami sanggup berkorban, datuk,” kata Abang Dali”. ini merupakan petikan yang menggambarkan kesanggupan masyarakat setempat berani berkorban untuk menentang para penjajah. Mereka bukan sahaja sanggup berkorban mempertahankan tempat tinggal tapi sanggup bermatian demi maruah dan bangsa. Disebabkan keberanian mereka semua, Dol Said merasa bangga kerana mempunyai pengikut yang setia bersamanya. Berdasarkan cerpen tersebut terdapat banyak pengajaran yang boleh diambil oleh para remaja. Di antaranya menurut Haris Md. Jadi (1990), adalah tentang kesetiaan pada ketua/pemerintah asal. Jika dari awal lagi mereka sudah belajar tentang kesetiaan, jiwa dan diri akan menjadi lebih kental dan berani. Kekentalaan tersebut akan membantu sedikit sebanyak tentang menghormati pada pemerintah dimasa akan datang. Secara tidak langsungnya segala arahan dari pihak pemerintah akan mudah untuk diikuti tanpa bantahan, terutamanya dalam menyeru semangat patriotik.

Selanjut cerpen kedua, kisah tentang kezaliman dan tidak berperikemanusiaan adalah ungkapan yang sering kali dikeluarkan dari mulut masyarakat setempat terhadap penjajah. Sifat penjajah tidak ada yang boleh dibanggakan, malah mereka semua boleh dianggap sebagai satu beban yang berat. Sebuah cerpen bertajuk “Pejuang Di Lubuk Terua” telah memaparkan kekejaman pihak Inggeris dengan masyarakat setempat. Kisah ini adalah tentang perjuangan gan Datuk Bahaman. Beliau adalah tokoh pejuang masyarakat di Pahang. Beliau berjuang disekitar tahun 1891 bersama-sama pengikutnya. Pejuangan mereka adalah tentang ketidak puasaan hati dengan pihak Inggeris yang membuat peraturan memungut hasil hutan dan memaksa membayar cukai yang tinggi. Sebelum ini cukai hanya perlu dibayar kepada Datuk Bahaman sahaja tetapi Inggeris telah suka hati memaksa penduduk setempat membayar cukai kepada mereka. Ekoran peristiwa tersebut pengikut-pengikut Datuk Bahaman telah merancang satu serangan kepada Inggeris dan akirnya berlaku satu pertempuran diantara Datuk Bahaman dengan pihak Inggeris. Dalam serangan tersebut mereka semua berjaya mengalahkan Inggeris dan menghalau mereka semua dari bumi Pahang. Mengikut sejarah sebenar peperangan tersebut telah menjadikan Datuk Bahaman sebagai orang buruan British yang paling dihendaki kerana banyak terpaksa pihak Inggeris menaggung hutang yang banyak. Kisah kali ini bermula apabila watak ayah telah ditangkap oleh pihak Inggeris kerana tidak mahu membayar cukai. Oleh kerana ayah mereka ditangkap watak Aku dan Abang Ngah menjadi tidak senang dan geram dengan tindakan Inggeris. Disebabkan kejadian itu, mereka cuba mengambil tindakan sendirian tetapi telah dihalang oleh Pak Lah. Beliau menasihati supaya Abang Ngah mengadukan perkara tersebut kepada Datuk Bahaman untuk meminta pertolongan. Ternyata Datuk Bahaman sememangnya sudah mengetahui perkara tersebut dan Pak Lah meminta Abang Ngah bersabar kerana Datuk Bahaman pasti menolong mereka semua. Setelah berempas pulas dan mengadakan perjumpaan dengan Datuk Bahaman, mereka semua telah menuju ke Lubuk Terua untuk menentang pihak Inggeris. Sewaktu dilubuk tersebut, pihak Inggeris telah menghantar Desborough bersama pasukan tenteranya untuk menentang para pengikut Datuk Bahaman. Disitu jugalah pertempuran yang dahsyat telah berlaku dan Inggeris telah mengalami kekalahan yang teruk. Kejayaan mereka semua menentang Inggeris membuktikan semangat juang Datuk Bahaman bersama pengikutnya sangat kuat. Daripada petikan dibawah ini,

...“Kali ini Desborough akan tau siapa Datuk Bahaman!” kata Usin sambil memusing-musingkan buluh runcingnya.... Ketika kami sampai di tepi lubuk yang bakal dilalui oleh

pasukan Inggeris, sudah ramai orang termasuk Datuk Bahaman berkumpul di situ. ... Pasukan Desborough pun tiba. Orang putih itu kelihatan di sampan paling hadapan, bersama beberapa orang mata-mata Sikh yang bersenapang. Beberapa buah sampan di belakang pun penuh mata-mata Sikh. Dan yang menyedihkan aku, ada juga orang Melayu yang turut serta sebagai penunjuk jalan... "Serang!" berpuluhan-puluhan lembing dan buluh runcing berterbangan ke dalam lubuk. Letupan senapang mula kedengaran, meriuhkan suasana yang tadinya senyap.... Tidak berapa lama kemudian pertempuran pun berakhir. Banyak askar Sikh yang terkorban. Sementara sebahagian lagi termasuk Desborough, dapat melepaskan diri. "Kita menang!" "Inggeris pengecut!" Kita halau penjajah!"....

'Perjuangan Di Lubuk Terua' (1987)

Kehebatan angkatan perang dari Datuk Bahaman sememangnya cukup kuat dan susah untuk dikalahkan. Walaupun kelengkapan perang mereka tidak setanding dengan Inggeris, keberanian mereka semua dapat mengatasi kekuatan pihak Inggeris. Dalam peperangan tersebut, watak Aku, Abang Ngah dan Hussin yang merupakan anak muda dilihat turut sama-sama menentang penjajah. Daripada tiga watak tersebut sudah cukup untuk menunjukkan mereka semua mempunyai keberanian dan setia pada negara yang tinggi. Oleh itu, secara ringkasnya bagi mengenang jasa dan kehebatan Datuk Bahaman ini, penulis cuba mengingatkan masyarakat pada hari ini tentang perjuangan tersebut. Menurut Mohd Taib Osman (1989), perjuangan tersebut menunjukkan anak muda mampu mengambil iktibar tentang semangat juang tanpa berputus asa. Kegigihan tersebut bukan sahaja dapat membentuk masyarakat yang gigih berusaha tetapi mampu menjadi simbolik kepada semangat perpaduan yang cuba dicapai oleh semua bangsa dalam negara.

KESIMPULAN

Secara ringkasnya kajian ini menunjukkan kedua penulis mempunyai idea tersendiri dalam menyampaikan nilai murni keberanian di dalam karya mereka yang bertemakan sejarah. Berdasarkan tema tersebut, dapat dikenal pasti bahawa Nazel Hashim tidak memfokuskan kisah-kisah sejarah Melayu lama berbanding Ismail Sarbini yang lebih gemar menceritakan kisah sejarah seperti itu. Perkara ini tidak menjadi masalah kerana kedua penulis berjaya menunjukkan sifat keberanian dan jati diri sebenar orang Melayu. Fokus inilah sebenarnya yang ingin ditunjukkan oleh penulis untuk para remaja menghayatinya. Dari sudut kepenggarangan mereka pula, perbezaan penulis mengolah kisah-kisah sejarah tersebut menunjukkan mereka menguasai bidang sejarah di dalam negara. Selain itu, jika dihayati karya mereka berdua ini. Penulisan mereka cukup mudah untuk difahami dan tidak terlalu berat untuk dibaca oleh remaja. Hasil gabungan watak remaja dan dewasa yang terdapat dalam karya mereka juga adalah bukti pendidikan tentang nilai murni berdasarkan kisah sejarah mampu membentuk jati diri remaja dewasa kelak.

RUJUKAN

- A.Aziz Deraman. 2001. *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia: Suatu Analisis Perkembangan Kebudayaan Di Malaysia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Had Salleh. 1980. *Pendidikan Ke Arah Perpaduan Sebuah Perspektif Sejarah*. Kuala Lumpur. Fajar Bakti.
- Hashim Awang.1988. *Penciptaan dan Kemanusiaan dalam Cerpen dan Novel*. Shah Alam. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Haris Md. Jadi.1990. *Etnik, Politik dan Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman.1989. *Masyarakat Melayu, Struktur Organisai dan Manifestasi*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohamed Mustafa Ishak. 2014. *Politik Bangsa Malaysia Pembinaan Bangsa Dalam Masyarakat Pelbagai Etnik*. Kuala Lumpur. Institusi Terjemahan & Buku Malaysi
- Othman Puteh. 1988. *Persediaan Menulis Cerpen*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh. 2003. *Sejarah Kesusastraan Melayu Modern Cerpen*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramli Isin. 2003. *Sejarah Kesusastraan Melayu Modern Cerpen*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.